



1.0 PENGENALAN

Universiti Teknologi Malaysia telah mula menggunakan Sistem Pengurusan Dokumen Berelektronik bermula tahun 2010 dan sistem diberi nama UTM-EMS. Sistem ini dibangunkan oleh Syarikat Datarunding dengan kerjasama Pusat Komunikasi dan Teknologi Maklumat (CICT) dan urusetia sistem adalah Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar. Sistem UTM-EMS digunakan bagi pengurusan penyimpanan rekod Universiti secara elektronik selaras dengan pengurusan rekod elektronik Arkib Negara Malaysia.

2.0 OBJEKTIF

Tujuan polisi ini adalah untuk memastikan staf UTM dapat menggunakan Sistem UTM-EMS dengan lebih berkesan dan memberi faedah yang optima. Polisi ini juga dapat memberi panduan kepada pengguna dan pentadbir sistem dalam pengurusan sistem.

3.0 PENGGUNA UTM-EMS

- 3.1 Pengguna hendaklah berdaftar dengan urusetia bagi mendapat User ID dan akses kepada sistem.
- 3.2 Pengguna sistem di jabatan/ fakulti diberi akses sebagai pengguna biasa dan akses hanya diberikan kepada pengguna aktif sahaja.
- 3.3 Akses pentadbir sistem hanya akan diberikan kepada kerani fail tetapi masih terhad kepada pendaftaran rekod dan fail fakulti/jabatan sahaja.
- 3.4 Pengguna yang tidak menggunakan sistem melebihi dua (2) bulan akan menjadi tidak aktif secara automatik.

4.0 PENGGUNAAN UTM-EMS FAKULTI/ JABATAN

- 4.1 Setiap fakulti/ jabatan hendaklah menggunakan sistem UTM-EMS untuk mendaftar surat/ dokumen keluar dan masuk dan penyimpanan rekod rasmi Universiti.

- 4.2 Universiti hanya membekalkan satu (1) unit *scanner* kepada fakulti/ jabatan untuk mengimbas dokumen bagi tujuan pemfailan (*filling*). Kehilangan atau kerosakan scanner diuruskan sendiri oleh fakulti/ jabatan.
- 4.3 Proses naik taraf *software* atau komputer yang diperlukan bagi memenuhi keperluan penggunaan sistem diuruskan sendiri oleh fakulti/ jabatan.
- 4.4 Pihak fakulti/jabatan perlu memastikan maklumat yang direkodkan pada sistem UTM-EMS adalah selari dengan rekod fizikal pada fail.
- 4.5 Semua pendaftaran nama dan kod fail baharu mestilah mendapat kelulusan dan khidmat nasihat daripada pihak urusetia (BPO).
- 4.6 Segala pengemaskinian senarai PTJ perlu dimaklumkan dan akan dilakukan oleh pihak BPO selaku urusetia sistem.
- 4.7 Urusetia berhak menegur secara rasmi kepada PTJ yang tidak menggunakan kod fail yang telah ditetapkan.
- 4.8 Fail berstatus terperingkat (TERHAD, SULIT, RAHSIA DAN RAHSIA BESAR) di fakulti/jabatan tidak digalakkan menggunakan Sistem UTM-EMS melainkan pihak fakulti/jabatan yakin akan prosidur dan proses yang perlu dipatuhi untuk melaksanakannya.

5.0 PENTADBIR SISTEM (SOKONGAN TEKNIKAL)

- 5.1 Melaksanakan penyelenggaraan sistem mengikut keperluan.
- 5.2 Memaklumkan kepada pemilik sistem berkenaan penyelenggaraan yang sedang dibuat.
- 5.3 Memastikan dokumen backup disimpan dalam sistem dengan baik.

6.0 URUSETIA/ PEMILIK SISTEM

- 6.1 Memberi user ID/ akses kepada pengguna yang berkelayakan sahaja.
- 6.2 Memastikan sistem selaras dengan Pengurusan Rekod Elektronik Arkib Negara Malaysia.
- 6.3 Melaksanakan pelupusan rekod elektronik Universiti mengikut permohonan pelupusan fakulti/ jabatan dan tertakluk kepada Jadual Pelupusan Arkib Negara Malaysia.
- 6.4 Pihak urusetia berhak untuk mengeluarkan laporan transaksi setiap Jabatan/fakulti atau individu sekiranya diperlukan oleh pihak Pengurusan Universiti.

7.0 TARIKH KUATKUASA

- 7.1 Polisi Penggunaan Sistem UTM-EMS telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pejabat Pendaftar yang telah diadakan pada 3 September 2014.
- 7.2 Pemakaian polisi ini adalah ke atas setiap pengguna dan pentadbir sistem UTM-EMS dan berkuatkuasa bermula tarikh diluluskan.

8.0 KHIDMAT NASIHAT

Sebarang kemosykilan berkaitan polisi ini dan perkara berkaitan boleh dirujuk ke :-

Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar
Tel : 07-5531213 / 30172 / 30442

Bahagian Operasi, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT)
Tel : 07-5532080

RUJUKAN

- i. ARKIB NEGARA MALAYSIA, "Garis Panduan Pengurusan Rekod Elektronik", 2003
- ii. ARKIB NEGARA MALAYSIA, "Rekod Elektronik dan Akta Arkib Negara Malaysia 2003", 2003